


# KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD KELOMPOK

PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA CERAIAN SR.5.7.1

## Syarat Umum :

- Bilangan hari CTR Kelompok adalah **maksimum 20 hari satu (1) tahun kalendar** tertakluk kepada syarat khusus dalam PPSM Ceraian SR.5.7.1(A);
- Pegawai layak memohon CTR tertakluk kepada baki CTR Kelompok;
- Tempoh cuti **termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am**;
- Sekiranya pegawai memerlukan tempoh melebihi maksimum 20 hari atas sebab-sebab tertentu maka pegawai boleh memohon untuk menggunakan kemudahan Cuti Rehat, Cuti Rehat Khas atau cuti-cuti lain yang berkecualan; dan
- Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada pertimbangan Ketua Jabatan. Ketua Jabatan hendaklah mengambil kira keperluan dan kepentingan perkhidmatan dalam mempertimbangkan/ meluluskan permohonan kemudahan ini. Ketua Jabatan boleh memanggil balik pegawai jika ketiadaan pegawai di tempat kerja boleh memudaratkan keselamatan negara atau kepentingan awam.

Bil.	CTR Kelompok	Kaedah Penggunaan	
1.	Isteri Bersalin	Bilangan hari fleksibel mengikut syarat khusus	Jumlah keseluruhan bilangan hari CTR Kelompok yang diambil ialah maksimum 20 hari setahun kalendar
2.	Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat		
3.	Menjaga Ahli Keluarga Sakit		
4.	Umrah		
5.	Keagamaan		
6.	Mengambil Peperiksaan	Bilangan hari ditetapkan mengikut syarat khusus	
7.	Hadir Mahkamah Luar Ibu Pejabat		
8.	Menghadiri Aktiviti Koperasi		
9.	Lawatan Kebudayaan Di Luar Negeri		
10.	Pertandingan Musabaqah Al-Quran		
11.	Jurulatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)		
12.	Aktiviti Khidmat Masyarakat		
13.	Sumbangan Ilmu Peringkat Antarabangsa		
14.	Program Pertukaran Peringkat Antarabangsa		
15.	Menghadiri mesyuarat/ bengkel/ seminar anjuran Pihak Pekerja MBK		
16.	Hari Mengundi		
17.	Rawatan Hemodialisis		
18.	Perayaan ( <i>Good Friday</i> , <i>Deepavali</i> , <i>Christmas Eve</i> , Hari Raya Haji Kedua dan <i>Thaipusam</i> )		

- 
- Permohonan CTR Kelompok menggunakan Borang **Lampiran SR.5.7.1 (C)** yang boleh dimuat turun melalui portal MyPPSM di bawah Kluster Saraan (SR)
  - Permohonan **CTR Kelompok Umrah dan Keagamaan perlu mendapatkan kelulusan daripada BPSM**
  - CTR Kelompok yang lain adalah di bawah kelulusan Ketua Jabatan masing-masing. Sesalanan borang kelulusan CTR Kelompok tersebut hendaklah dikemukakan kepada BPSM untuk direkod dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (kenyataan cuti)